

PERATURAN PERMAINAN KRIKET (T20)

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang permainan

- 1.1.1 Dijalankan mengikut Undang-Undang *Intenational Cricket Council (ICC)*
- 1.1.2 Persatuan Kriket Malaysia (MCA)

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan

- 1.2.1 Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan

- 2.1.1 Kategori berpasukan

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

- 2.2.1 15 orang pemain
- 2.2.2 1 orang Pengurus Pasukan
- 2.2.3 1 orang Jurulatih

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan secara liga kumpulan.

2.3.2 Penentuan mata :

- 3.3.2.1 Menang - 2 mata
- 3.3.2.2 Seri - 1 mata
- 3.3.2.3 Kalah - 0 mata

3. JANGKA MASA PERLAWANAN

- 3.1 Semua perlawanan akan dijalankan dengan satu ining untuk setiap pasukan dan setiap ining akan dihadkan sebanyak 20 overs.

4. JUMLAH OVERS UNTUK SETIAP PEMBALING

Dalam perlawanan 20 overs, setiap pembaling hanya dibenarkan membaling sebanyak maksima 4 overs sahaja.

5. KEPUTUSAN

- 5.1 Menang

Apabila ining kedua-dua pasukan telah ditamatkan, perlawanan akan dimenangi oleh pasukan yang telah mengatasi jumlah larian yang dilakukan oleh pasukan lawan. Sesebuah pasukan akan dianggap telah menamatkan ining apabila:-

- a) Semua pemukul telah dikeluarkan.
- b) Telah menamatkan jumlah over yang diperuntukan
- c) Pasukan yang memukul telah mengatasi jumlah larian yang dibua oleh pasukan lawan

5.2. SERI

Sekiranya jumlah larian kedua-dua pasukan terikat setelah ining ditamatkan, keputusan perlawanan akan diisytiharkan seri.

5.3. 'ABANDON'

Sekiranya perlawanan tidak dapat dijalankan disebabkan faktor cuaca atau kerosakan padang maka keputusan perlawanan akan diisytiharkan 'Tiada Keputusan'.

5.4. PENUNDAAN / GANGGUAN PERLAWANAN

Bagi semua perlawanan jika ada berlaku sebarang penundaan atau gangguan yang meyebabkan over dikurangkan, sasaran pasukan memukul kedua akan ditentukan oleh kiraan **Duckworth-Lewis**. Sistem pengiraan ini juga akan digunakan jika terdapat gangguan pada ining pasuka memukul pertama dan gangguan seterusnya kepada pasukan pemukul kedua.

6. PERALATAN PERTANDINGAN

Bola rasmi perlawanan adalah **KASEL GRAYS**

Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Berpasukan	15	-	2	17